



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	13/1/2020	MUKA SURAT	:	31
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>			

### 'Bukan Hutan Simpan Kekal Bintang Hijau'



Imej satelit yang tular menunjukkan kawasan hutan yang gondol dikatakan di Hutan Simpan Kekal Bintang Hijau namun dinafikan Jabatan Perhutanan Perak.

**IPOH** - Jabatan Perhutanan Perak menafikan dakwaan kononnya imej satelit menunjukkan kawasan Hutan Simpan Kekal Bintang Hijau berhampiran Kuala Kangsar digondolkan.

Menerusi satu kenyataan media kelmarin, jabatan tersebut berkata, berdasarkan semakan awal dibuat pihaknya dan Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak berpandukan imej Google Map dan Sistem e-GP yang dibangunkan oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bagi memantau kawasan hutan simpanan kekal mendapati kawasan tersebut terletak di luar kawasan Hutan Simpanan Kekal.

Menurutnya, kawasan Felda Lawin Selatan yang dipercayai pernah tular sebelum ini.

"Pasukan dari Pejabat Hutan Daerah Hulu Perak telah membuat semakan dengan bertemu Pengurus Felda Lawin Selatan dan beliau mengesahkan kawasan tersebut kawasan Felda Lawin Selatan," katanya dalam kenyataan media.

Kenyataan itu dikeluarkan sebagai mengulas laporan portal akhbar berbahasa Inggeris yang menyatakan imej satelit tersebut tular di media sosial.

Imej tersebut juga mendapat perhatian Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka), Puan Sri Shariffa Sabrina Syed Akil yang memaklumkan kepada *The Star* bahawa pihaknya turut bimbang dengan keadaan hutan tersebut.